

Sektor awam, swasta setuju

KUALA LUMPUR, Sabtu — Sektor awam dan swasta sebulat suara menyetujui cadangan penubuhan Majlis Perunding yang berkuasa merangka strategi menjangkakan konsep Persyarikatan Malaysia.

Mereka juga bersetuju Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilantik menjadi pengerusi Majlis yang mengandungi 20 anggota itu.

Anggota Majlis itu meliputi pelbagai pihak, termasuk beberapa orang menteri, pegawai kerajaan dan swasta.

Cadangan penubuhan Majlis itu dipersetujui dalam mesyuarat tertu-

tup yang dihadiri oleh wakil-wakil kedua sektor itu pada 7 Julai di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan).

Mesyuarat tiga jam dipengerusikan oleh Ketua Pengaroh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Sallehuddin Mohamad, turut dihadiri oleh pakar dari universiti-universiti tanahair dan pakar pengurusan.

Perakuan

Sumber-sumber yang menghadiri mesyuarat itu berkata cadangan penubuhan Majlis Perunding itu tertakluk kepada persetujuan Perdana

Menteri dan kerajaan.

Tan Sri Sallehuddin dijangka mengemukakan perakuan mesyuarat itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir tidak lama lagi.

Menurut satu sumber, Majlis yang dicadangkan itu dibahagikan kepada dua peringkat.

Pertama, peringkat tertinggi yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir dan bertujuan mencerminkan kesungguhan kerajaan terhadap konsep Persyarikatan Malaysia.

Majlis itu akan menyebarkan semangat Persyarikatan Malaysia ke seluruh negara dan menerima laporan kemajuan perlaksanaannya. Ia juga dijadikan badan

penyelesaian masalah yang tidak dapat diuruskan di peringkat bawah.

Kedua, peringkat pertengahan yang akan dianggotai oleh pegawai kerajaan dan swasta serta beberapa pakar yang berusaha memupuk kerjasama swasta dan awam.

Konsep

Badan ini akan bertanggungjawab menyebarkan konsep itu di peringkat negeri. Ia mempunyai urusetia tetap untuk mengkaji masalah, membuka saluran perundingan serta mewujudkan rancangan yang boleh menanam semangat Persyarikatan Malaysia.

Sumber itu berkata badan peringkat pertengahan juga akan mengkaji setiap cadangan berhubung dengan konsep itu yang akan dibawa ke Majlis Perunding untuk diluluskan dan dilaksanakan.

"Mesyuarat telah memutuskan mengenai cadangan penubuhan majlis dua peringkat itu dari segi struktur organisasi dengan mengambil kira pandangan dari sektor swasta.

"Terpujalanglah kepada kerajaan membuat keputusan muktamad," kata sumber itu.

Katanya lagi, sektor swasta bersetuju sebulat suara mengenai cadangan itu.

PM: Tabiat suka meminta boleh akibatkan masyarakat lemah

ALUR SETAR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat, tabiat suka meminta dari orang lain boleh mengakibatkan sesuatu masyarakat lemah dan lumpuh.

Perdana Menteri berkata jika masyarakat itu bergantung harap pada orang lain, mereka tidak akan berdaya berusaha sendiri apabila bantuan yang diberikan itu dihentikan.

Kerajaan, katanya,

hanya boleh memberi bantuan sekadar yang mampu dan selebihnya perlulah diusahakan sendiri.

Beliau, yang tidak mahu rakyat negara ini menjadi "masyarakat subsidi", berkata: "Kerajaan tidak boleh membantu seseorang itu sehingga dia boleh tinggal dalam mahligai. Berusahalah sendiri menanggung taraf hidup masing-masing."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian ketika melawat

Pusat Pengumpulan Rotan di Padang Terap hari ini. Beliau juga melawat Kompleks Perumahan Buluh di Naka, Padang Terap dan mendengar taklimat dari Pengurus Besarinya, Dr Afifuddin Haji Omar.

Kedua kilang itu adalah punca pendapatan tetap sebahagian penduduk luar bandar di daerah itu. Kilang buluh itu mengeluarkan barang-barang seperti bidai, lapik pinggan dan penutup lampu.